

'Malay Dilemma'

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

cuba kupas masalah masyarakat...

BUKU "Malay Dilemma" oleh Dr. Mahathir Mohamad diterbitkan dalam tahun 1970 (kini ia telah beberapa kali diulang cetak) di Singapura oleh Syarikat Donald Moore.

Ia diterbitkan setahun setelah Dr. Mahathir disingkirkan dari UMNO iaitu tidak lama setelah tamatnya pilihanraya 1969 bilamana beliau telah kehilangan kerusi.

Pada dasarnya buku ini cuba mengupas masalah masyarakat Melayu dan punca-puncanya. Misalnya, mengapa masyarakat Melayu menjadi begitu mundur berbanding dengan lain-lain masyarakat di Malaysia terutamanya dalam bidang ekonomi.

Pada masa yang sama, buku tulisan Dr. Mahathir ini juga cuba memberi penerangan tentang hubungan antara ras-ras di Malaysia terutamanya setelah kejadian rusuhan 13 May 1969 di Kuala Lumpur.

Dr. Mahathir memulakan bukunya dengan satu pertanyaan tentang apa yang salah dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum itu iaitu setelah berlakunya rusuhan 13 May.

Di sini beliau menyentuh tentang hubungan China-Melayu yang meruncing ketika itu sehingga menimbulkan satu masalah besar kepada pentadbiran UMNO.

Hubungan

Dr. Mahathir seterusnya telah cuba menganalisa hubungan ras di Malaysia sebelum berlakunya rusuhan 13 May dan membuat kesimpulan bahawa satu hubungan yang harmonis antara masyarakat berbilang-kaum di sana sebenarnya tidak pernah wujud walaupun mereka terdapat sikap toleransi antara mereka.

Menurut beliau lagi, pemerintah Malaysia ketika itu tidak berjaya mewujudkan satu hubungan yang harmonis atau sekurang-kurangnya mempertahankan sikap toleransi antara ras yang pernah wujud sebelumnya.

Satu sebab utama bagi berlakunya keadaan ini ialah kerana pemimpin-pemimpin masa itu yang kurang cekap atau tidak berkebolehan untuk menadbir sebuah negara yang mempunyai berbilang kaum dan agama itu.

Pandangan beliau tentang ketidak cekapan pemimpin Malaysia (terutamanya pemimpin UMNO) telah menimbulkan kontroversi di Malaysia.

Dalam menganalisa punca keumuduran atau kemunduran masyarakat Melayu pula, beliau menyatakan bahawa faktor keturukan atau gentles merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan kemunduran masyarakat Melayu di sana.

Selain dari itu Dr. Mahathir juga menulis

tentang pengaruh alam sekeliling (environment) ke atas masyarakat Melayu.

Menurut beliau, tradisi masyarakat Melayu yang suka berkahwin saudara menyebabkan lahirnya keturunan yang lemah beliau berpendapat bahawa satu bangsa atau keturunan yang baik hanya dapat dibentuk jikalau sesebuah masyarakat tidak mengamalkan kawifi antara saudara.

Tentang alam sekeliling tentang faktor alam sekeliling pula, Dr. Mahathir berpendapat bahawa alam sekeliling masyarakat Melayu yang tidak menimbulkan banyak kesukaran atau masalah "survival" telah menyebabkan mereka menjadi sebuah masyarakat yang tidak lasak dan tak dapat menahan tekanan dari masyarakat asing yang mempunyai latar belakang yang lebih lasak seperti masyarakat China.

Bagaimanapun teori keturunan dan pengaruh alam sekeliling yang diketengahkan oleh Dr. Mahathir ini telah ditentang hebat oleh seorang sarjana Melayu yang lain iaitu Professor Syed Hussein Alatas (Ala limat buku Alatas "Siapa Yang Salah" dan "The Myth of The Lazy Natives").

Menyentuh tentang keadaan ekonomi masyarakat Melayu pula, Dr. Mahathir telah mengkritik pemerintah Malaysia kerana tidak begitu cekap mengatasi masalah atau dilemma masyarakat Melayu.

Misalnya, dalam usaha untuk memajukan ekonomi masyarakat Melayu, pemerintah telah menubuhkan perbadanan-perbadanan besar untuk menjejaskan kegiatan ekonomi, bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, pemerintah gagal melihat bahawa perbadanan-perbadanan tersebut sebaliknya telah menimbulkan persaingan yang sengit terhadap peniaga-peniaga Melayu sendiri yang baru belajar "bertateh" dalam perniagaan.

Beliau juga mengkritik kegagalan pemerintah menghentikan perniagaan "Ali-Baba" di mana sesebuah perniagaan hanya mempunyai nama Melayu sedangkan ia dikendalikan oleh masyarakat orang-orang Melayu.

Beliau selanjutnya mencadangkan agar bantuan sepenuhnya diberikan kepada orang-orang Melayu untuk maju dalam perniagaan. Menurut beliau lagi, tidak mengapa kita mempunyai segelintir kapitalis Melayu kerana mereka dapat membuat sumbangan kepada masyarakat mereka.

Dalam buku tersebut, Dr. Mahathir selanjutnya menulis tentang dilemma masyarakat Melayu, nilai dan sistem tradisi masyarakat Melayu yang menimbulkan kelemahan mereka, politik perkauman dan parti-parti politik di Malaysia.